

Graduan UUM Terus Dapat Pengiktirafan

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 26 Julai 2010 11:05

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

26 JULAI 2010 / 14 SYAABAN 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Graduan UUM Terus Dapat Pengiktirafan

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar: Zamarizul Salleh



BERJAYA... Empat graduan UUM diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya di Alor Setar, semalam.

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) terus mendapat pengiktirafan apabila empat lagi graduan daripada Program Sarjana Muda Undang-undang, diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya di Alor Setar, semalam.

Lim Wei Yong, Miza Hiryan Zakaria, Ida Farah Hanim Hashim dan Aliaa Junid adalah empat daripada lapan yang diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara di dalam Mahkamah Tinggi Malaya Alor Setar yang didengar oleh Yang Arif Hakim Dato' Mohd Azman Husin.

Lim Wei Yong yang mendahului rakan-rakan lain di majlis itu melahirkan rasa bangga kerana diterima masuk sebagai peguambela dan peguamcara bersama-sama tiga rakannya yang lain.

Katanya, beliau menjalani latihan dalam kamar selama sembilan bulan di Tetuan Jamil Mohamed Shafei & Associates Kangar, Perlis pada 24 April 2009 hingga 24 Januari 2010 sebelum petisyen untuk penerimaan masuk peguambela dan peguamcara dikemukakan oleh Vistor Raj yang mewakili beliau untuk